

Sorotan Literatur Bersistematik Kajian Binaan Kompleks Bahasa Melayu dari Sudut Sintaksis

Rusydiah Abd Salam ^a
p112711@siswa.ukm.edu.my
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Maslida Yusof ^b
maslida@ukm.edu.my
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini meneliti bentuk binaan kompleks dalam ayat bahasa Melayu. Kajian mengenai binaan kompleks ada dilakukan dalam pelbagai bahasa di dunia. Binaan kompleks yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berkaitan binaan ayat kompleks. Binaan ayat terdiri daripada binaan ayat mudah dan ayat kompleks. Binaan ayat mudah ialah ayat yang terdiri dari satu unsur subjek dan satu unsur predikat. Manakala, binaan kompleks pula ayat boleh terdiri daripada beberapa subjek dan beberapa predikat. Antara bentuk kajian binaan kompleks yang sering diteliti dalam pelbagai bahasa di dunia dari perspektif sintaksis merangkumi binaan predikat kompleks, struktur ayat majmuk dan kata kerja bersiri. Oleh itu, pengumpulan kajian lepas terhadap binaan kompleks dari sudut sintaksis ini perlu diteliti kembali dengan lebih teratur. Himpunan kajian yang lebih teratur ini menggunakan metodologi sorotan literatur bersistematik iaitu berdasarkan kriteria tertentu dalam protokol PRISMA bagi pemilihan artikel yang melibatkan empat pangkalan data yang besar, iaitu *Scopus*, *Science Direct*, *Web of Science* dan *Google Scholar*. Sebanyak 17 artikel telah dipilih dan layak disintesis untuk dapatan kajian. Tinjauan terhadap artikel terpilih mendapati bahawa bentuk binaan kompleks yang telah diteliti di Malaysia ialah binaan kata kerja bersiri dan ayat majmuk. Sumber data yang dipilih daripada kajian lepas adalah dalam pelbagai bahasa termasuklah bahasa kolokial. Perspektif sintaksis dalam sorotan literatur bersistematik ini menghuraikan kajian sintaksis terkini yang mampu berkembang dengan lebih luas sebagai satu variasi kajian bahasa yang wajar dikaji dengan mendalam oleh pengkaji seterusnya.

Kata kunci: binaan kompleks; kata kerja bersiri; sintaksis; ayat majmuk; sorotan literatur bersistematik bahasa

^a Penulis utama

^b Penulis koresponden

Systematic Literature Review Complex Construction of Language from Syntax Perspective

ABSTRACT

This paper examines complex constructions in Malay sentences. The studies on complex constructions are done in various languages in the world. The complex construction in this study is related to the construction of complex sentences. Generally, sentence structure consists of simple sentence structure and complex sentence structure. A simple sentence construction is a sentence that consists of one subject element and one predicate element. Meanwhile, the complex construction of a sentence can consist of several subjects and several predicates. The forms of complex construction that are often studied in various languages in the world from a syntactic perspective include complex predicate constructions, compound sentence structures and serial verbs. Thus, previous studies need to be examined competently. The assemblage of past studies using systematic literature review as a method based on specific criteria in PRISMA protocol for article selection in four large databases, *Scopus*, *Science Direct*, *Web of Science* and *Google Scholar*. A selection of 17 articles has been proceed to be synthesised to produce findings. Review of these selected articles found that the complex constructions that have been studied in Malaysia such as serial verbs and compound sentences. Data sources selected from previous studies are in various of language studies and should elaborate more by future researchers.

Keywords: complex constructions; serial verbs; syntax; compound sentences; language systematic literature review

PENGENALAN

Setiap pembentukan ayat dalam sesuatu bahasa dikenali sebagai satu binaan atau konstruksi. Binaan adalah satu ciri pola formal bagi kategori atau ciri sintaksis yang kebiasaannya dikaitkan dengan makna dan/atau fungsi wacana. Penggunaan kata pola adalah percubaan untuk bersikap-neutral teori iaitu pola mungkin merupakan struktur, atau templat, atau output dari sesuatu peraturan. Konsep formal pula adalah merangkumi aspek bentuk yang penting bagi tatabahasa (Svenonius, P. 2015, dalam Maslida Yusof, 2021). Dalam bahasa Melayu, terdapat dua bentuk binaan ayat, iaitu binaan ayat mudah dan binaan ayat kompleks. Ayat mudah atau ayat tunggal ialah ayat terdiri dari satu unsur subjek dan satu unsur predikat. Contohnya, *Siti menulis surat* atau *surat ditulis oleh Siti*. Ayat tunggal tidak selalu wujud dalam bentuk pendek, tetapi juga hadir dalam bentuk yang panjang asalkan ayat itu tidak melebihi daripada satu subjek dan satu predikat (Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohammed Mohammed Sultan, 2020).

Dalam berkomunikasi kita tidak terbatas ataupun terhad untuk menggunakan struktur ayat-ayat berbentuk mudah sahaja. Kebanyakan ayat-ayat yang digunakan untuk berhubung adalah lebih kompleks (Maslida Yusof, 2021). Hal ini demikian kerana, ayat boleh mengandungi lebih daripada satu klausa atau lebih daripada satu predikat dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, bentuk ayat majmuk dapat dianggap sebagai binaan kompleks. Binaan ayat kompleks pula dirujuk sebagai binaan majmuk iaitu binaan yang terdiri daripada beberapa subjek dan beberapa predikat. Misalnya, ayat (a) *Ali dan Abu membaca buku* dan (b) *Emak panggil adik masuk ke dalam rumah*. Kedua-dua ayat ini dianggap sebagai binaan kompleks kerana ia mengandungi lebih daripada satu klausa atau lebih daripada satu predikat dan sebagainya. Jika dilihat dalam ayat (a) merangkumi

dua klausa yang boleh berdiri sendiri. Setiap klausa tersebut mempunyai argumennya sendiri yang dicantumkan dengan kata hubung bagi membentuk satu struktur ayat yang kompleks. Dalam ayat (b) pula, ayat ini mempunyai dua inti dalam satu klausa yang mana kedua-dua inti ini berkongsi satu argumen yang sama iaitu *adik*. Struktur bagi ayat-ayat ini bersamaan dengan pendapat oleh Pavey (2010) yang menyatakan bahawa kebanyakan ayat yang digunakan untuk berkomunikasi adalah lebih kompleks, iaitu ayat mungkin mengandungi lebih daripada satu klausa, lebih daripada satu inti dan lebih daripada satu nukleus.

Kajian binaan kompleks dari sudut sintaksis sudah mula diterokai di Malaysia walaupun bilangannya masih kecil berbanding bahasa dan negara lain. Disebabkan itulah kajian-kajian lepas ini memerlukan satu himpunan yang teratur agar boleh dilihat corak pengkajiannya. Sorotan literatur adalah pembuktian untuk setiap aktiviti dan keputusan dalam sesebuah kajian (Booth et al., 2012). Ia juga adalah salah satu alternatif yang bertujuan untuk mengenal pasti dan mensintesis kajian berkaitan secara menyeluruh melalui prosedur pada setiap langkah dalam proses yang teratur, telus dan boleh diguna pakai semula (Higgins et al., 2011 dalam Sarah Nur Najwa dan Maslida Yusof, 2022). Kaedah yang mewajibkan setiap kajian itu perlu melalui satu proses yang ditetapkan berdasarkan protokol tertentu untuk menghasilkan hasil sintesis kajian yang baik. Proses dan protokol tertentu ini akan dibincangkan oleh pengkaji pada bahagian metodologi kajian mengikut keadah ataupun model yang telah dipilih. Hasil sintesis kajian yang baik akan membantu pengkaji-pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih baik khususnya untuk memberi jawapan yang telus kepada persoalan kajian dan mengenal pasti jurang penyelidikan yang masih memerlukan pengkajian yang lebih mendalam lagi.

Persoalan kajian adalah satu penanda aras yang bakal memandu sorotan bersistematik ini, maka persoalan kajian yang dibentuk adalah seperti (i) apakah bentuk-bentuk binaan kompleks yang terdapat dalam bahasa? (ii) apakah jenis teori yang digunakan dalam kajian dan (iii) apakah aspek binaan kompleks tersebut yang dikaji dalam perspektif sintaksis?. Oleh itu, makalah ini akan meninjau kajian yang melibatkan binaan kompleks dari sudut sintaksis menggunakan metodologi sorotan literatur bersistematik. Metodologi ini bukan sahaja menghimpunkan kajian lepas secara sistematik, tetapi secara tidak langsung turut membantu pengkaji seterusnya. Dapatan dalam perspektif sintaksis terhadap kajian binaan kompleks dari kajian lepas juga dihuraikan dalam sorotan literatur bersistematik ini.

KOSA ILMU

Dalam sorotan literatur bersistematik ini turut dibincangkan kosa ilmu berdasarkan kajian lima tahun terkini yang relevan. Dalam kajian ini, pengkaji ingin menunjukkan bahawa binaan ayat kompleks itu bukan sahaja terdiri daripada struktur ayat majmuk, tetapi turut melibatkan binaan kata kerja bersiri dan predikat kompleks yang dikaji dalam pelbagai bahasa di dunia. Himpunan kosa ilmu ini telah dibahagikan kepada tiga tema.

Tema pertama ialah mengenai kajian ayat majmuk. Kajian ayat majmuk ini dapat dilihat dalam dua kajian yang dilakukan oleh Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015 & 2016), Norul Haida Hj. Reduzan et al. (2018) dan Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021). Pada (2015) pengkaji telah meneliti ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu dan ayat majmuk gabungan bahasa Melayu dalam pantun Melayu pada (2016). Kedua-dua kajian pengkaji ini telah menggunakan teori Transformasi Generatif Standard bagi menganalisis data kajian mereka seperti yang diaplikasikan dalam Tatabahasa Dewan (2010). Kajian ini dilakukan secara kualitatif. Dasar utama teori ini ialah anggapan bahawa setiap ayat yang dihasilkan

sebenarnya mengandungi dua peringkat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Dalam menerbitkan ayat majmuk pancangan berlaku proses-proses transformasi seperti pengguguran, peluasan, dan penyusunan semula. Seterusnya, analisis ayat dilakukan berdasarkan struktur dalaman dan permukaan dengan rajah pohon dan keterangan-keterangan yang berkaitan dalam bidang sintaksis. Dapatan kajian mereka mengenai ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu ini dilihat berlaku beberapa proses transformasi seperti proses pengguguran kata hubung keterangan dan subjek kata nama. Selain itu, dalam ayat juga berlaku proses penyusunan semula melalui ayat songsang. Proses transformasi ini berlaku apabila keterangan hendak difokuskan.

Seterusnya, dalam kajian ayat majmuk gabungan bahasa Melayu dalam pantun Melayu pula menunjukkan bahawa dalam pantun Melayu terdapat binaan ayat yang kompleks. Pengkaji telah mengkategorikan ayat majmuk gabungan ini kepada tiga kategori dan ayat majmuk yang paling dominan ditemui ialah kategori ayat majmuk gabungan dengan susunan fakta berurutan. Seperti dalam kajian ayat majmuk pancangan, proses transformasi turut berlaku dalam kajian ayat majmuk gabungan bahasa Melayu dalam pantun Melayu seperti proses pengguguran. Dapatan analisis telah memperlihatkan bahawa pantun merupakan satu medium yang terbaik dalam menganalisis ayat-ayat bahasa Melayu kerana banyak perkataan digugurkan. Contohnya, dalam ayat (a) *kumbang jantan terbang* dan ayat (b) *kumbang betina terbang*. Pada struktur dalaman kedua-dua ayat tunggal tersebut digunakan kata hubung *dan* membentuk ayat *kumbang jantan dan kumbang betina terbang*. Tetapi, pada struktur luaran kata hubung *dan* tersebut telah digugurkan dan menjadi ayat *kumbang jantan betina terbang*. Pengguguran perkataan berlaku kerana jumlah perkataan dalam pantun dan bentuk rima akhir terkawal atau dihadkan. Kajian yang telah dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini sangat menarik kerana ia menonjolkan kecerdikan pengkaji ini dalam melahirkan buah fikiran yang ringkas dan padat. Di samping itu, ia dapat membuktikan bahawa binaan ayat kompleks wujud dalam pantun memandangkan dalam pantun mengandungi banyak perkataan. Tambahan lagi, kajian ini turut dilihat dari sudut yang berbeza daripada kebiasaannya iaitu sudut sastera dan budaya yang mana pantun dilihat dari aspek sastera dan budaya iaitu dari segi nilai estetika keindahan pantun, tetapi dalam kajian ini pantun dilihat dari aspek sintaksis yang merupakan salah satu aspek dalam bidang bahasa ataupun linguistik. Antara kajian binaan majmuk sebelum ini dapat dilihat dalam kajian-kajian pengkaji bahasa formal misalnya, Asmah Hj. Omar (2015). Hal ini jelas menggambarkan kedekatan hubungan kajian yang melibatkan pantun ini dalam sudut bahasa khususnya bidang sintaksis.

Terdapat juga penelitian ayat majmuk yang memfokuskan penguasaan dan kesalahan bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Norul Haida Hj. Reduzan, Normarini Norzan & Abdullah Yusof (2018) telah menganalisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Aspek yang diberi tumpuan dalam penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar, dan mengenal pasti kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori Pelaziman Pavlov dengan mengaitkan teori ini dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji menumpukan kepada pelajar tingkatan satu sahaja dan sampel telah dipilih berdasarkan kepada 20 orang sahaja, iaitu 10 pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu meneliti hasil karangan pelajar bagi objektif yang pertama dan kedua. Penyelidikan ini dilakukan berdasarkan buku Tatabahasa Asas Edisi Kedua iaitu karya Ahmad Khair Mohd Nor yang diterbitkan pada tahun 2014. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan ayat majmuk pancangan relatif adalah lebih tinggi berbanding ayat majmuk

pancangan yang lain. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini telah memaparkan satu kajian yang berpada kerana ianya dapat membantu pengkaji dan pembaca memahami penggunaan ayat majmuk pancangan secara terperinci dan betul. Terdapat satu lagi kajian mengenai ayat majmuk seperti dalam kajian Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021). Pengkaji telah menganalisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu berdasarkan teori Analisis Kesalahan Corder. Kajian ini bertujuan menjelaskan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian dengan menggunakan alat kajian iaitu sampel teks penulisan pelajar. Responden kajian terdiri daripada 20 orang pelajar tingkatan 1 di sebuah sekolah luar bandar di Segamat, Johor. Seterusnya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan kata hubung pancangan berlaku disebabkan oleh empat faktor iaitu, (i) kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) ketiadaan penggunaan tanda baca dan (iv) kesalahan pemilihan kosa kata. Hasil kajian ini menunjukkan pembinaan ayat majmuk pancangan keterangan mencatat kekerapan kesalahan tertinggi diikuti dengan pembinaan ayat majmuk pancangan relatif dan pembinaan ayat majmuk pancangan komplemen.

Seterusnya, tema kedua kajian ialah berkaitan kata kerja bersiri. Kajian kata kerja bersiri ini telah dilakukan dalam pelbagai bahasa di dunia contohnya, bahasa Mandarin, bahasa Melayu, bahasa Kolokial Indonesia, bahasa Greek moden dan sebagainya lagi. Antara pengkaji yang meneliti kata kerja bersiri ialah Ying Fan (2016 & 2019 & 2020). Pengkaji telah melakukan tiga kajian berkaitan kata kerja bersiri dalam bahasa Mandarin ini. Dalam kajian pengkaji pada (2016), beliau telah meneliti binaan kata kerja bersiri Berlebihan yang telah menunjukkan bentuk persamaan formal dengan binaan kata kerja bersiri Resultatif kerana kedua-dua kata kerja bersiri ini mengambil kata kerja yang tidak bertanda. Pengkaji menyatakan bahawa terdapat perbezaan sintaksis antara kedua-dua binaan itu. Berbeza dengan kata kerja Resultatif yang mana binaannya lebih kepada struktur yang ketat iaitu, S[vp V1 V2] le. Bagi binaan kata kerja bersiri Berlebihan pula mempunyai struktur binaan yang lebih longgar iaitu, S[[vpV1] [vp V2-le]]. Selain itu, binaan kata kerja bersiri yang berlebihan juga memerlukan topikalisasi wajib bagi argumen pengalami. Hal ini dilihat tidak wujud dalam binaan kata kerja bersiri Resultatif. Kajian ini telah mewakili interaksi antara sifat semantik khususnya fungsi daripada *le* dalam dua pembinaan dan sifat sintaksis. Oleh itu, dapatan kajian pengkaji ini dapat menjelaskan bahawa binaan kata kerja bersiri berlebihan membentuk jenis kata kerja bersiri yang berbeza dan tidak boleh dianggap sebagai subjenis daripada kata kerja bersiri resultatif seperti yang didakwa dalam kajian tradisional.

Kajian Ying Fan (2019), telah membicarakan perbezaan antara binaan kata kerja bersiri nuklear dan inti dalam bahasa Mandarin Standard berdasarkan kerangka teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan. Kedua-dua kata kerja bersiri nuklear dan inti dalam bahasa Cina Mandarin standard terbentuk melalui hubungan *neksus kosubordinasi* dan ia berbeza dari segi pembentukan struktur argumen. Dengan mengandaikan dua tahap struktur argumen, maka ia menjadi persoalan bahawa binaan kata kerja bersiri nuklear terbentuk dengan menggabungkan tahap semantik struktur argumen daripada komponen kata kerja, dan binaan kata kerja bersiri inti terbentuk dengan menggabungkan sebahagian tahap sintaksis struktur argumen daripada komponen kata kerja. Analisis dapatan kajian pengkaji menunjukkan bahawa binaan kata kerja bersiri nuklear yang berfungsi ini adalah setanding dengan predikat tunggal menghasilkan bentuk predikat kompleks. Tidak seperti binaan kata kerja bersiri nuklear, binaan kata kerja bersiri inti terdiri daripada dua predikat yang berasingan setiap satunya memiliki struktur argumen yang separa bebas. Oleh itu,

hasil kajian pengkaji ini membuktikan bahawa binaan kata kerja bersiri tahap inti tidak termasuk dalam kategori predikat kompleks.

Dalam kajian Ying Fan yang dijalankan pada (2020) pula berkisarkan fenomena gabungan kata kerja yang sama yang menunjukkan makna aksi-gerak boleh berlaku dalam dua subjenis sintaksis yang berbeza dalam binaan kata kerja bersiri, iaitu tahap nuklear dan tahap inti berdasarkan perbezaan umum yang dibuat dalam kajian lepas berdasarkan pelbagai kerangka teori. Pengkaji dapati bahawa gabungan tertentu kata kerja bersiri boleh berlaku dalam dua sintaksis yang berbeza, iaitu subjenis yang menunjukkan makna aksi-gerak dalam bahasa Mandarin dan gabungan ini hanya boleh dilihat dalam subjenis sintaksis tunggal dalam Jinjiang. Dalam kajian ini pengkaji membuat penerangan yang mencukupi tentang sifat subjenis sintaksis gerakan aksi ini yang dibuktikan dalam dua jenis bahasa Sinitic, iaitu bahasa Cina Mandarin standard dan Jinjiang Southern Min. Kedua-dua subjenis sintaksis bagi kata kerja bersiri aksi-gerak boleh ditemui dalam bahasa Cina Mandarin. Bagi Jinjiang Southern Min hanya boleh dikodkan pada tahap inti tanpa melibatkan tahap nuklear. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan sinkronik tatabahasa dalam bahasa Cina Mandarin standard dan Jinjiang dapat diperhatikan melalui kepelbagaian bahasa Sinitic.

Kata kerja bersiri juga diteliti dalam bahasa Greek Moden oleh Svorou, S. (2018) yang memfokuskan kata kerja gerak. Pengkaji telah meneliti ekspresi urutan binaan VI ke V2 (V and V) dalam bahasa Greek moden dengan penekanan khusus kepada rentetan V1 ke V2. V1 adalah kata kerja gerak, *piyeno/pao* yang bermaksud 'I go'. Dalam keadaan tertentu, rentetan *Vpiyeno / pao* ke V2 ditafsirkan sebagai peristiwa tunggal dengan keutamaan melibatkan peristiwa V2. Selain itu, pengkaji telah mengemukakan analisis bagi pembinaan yang serupa kata kerja bersiri yang secara sintaktiknya V1 merupakan kosubodinasi kepada V2 pada tahap inti dan secara semantikanya V1 berintergrasi dengan V2 dan ditafsirkan sebagai bingkai untuk V2. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan teori Role and Reference Grammar untuk menganalisis data dan kajian ini dijalankan secara kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembinaan V1 ke V2 dalam Greek Moden, kadangkala mempamerkan hubungan jungtur-neksus pada tahap inti kosubordinasi dan mempersembahkan integrasi semantik yang rapat bagi kedua-dua templat leksikal kata kerja itu. Binaan bahasa Greek Moden ini dilihat sama seperti dengan binaan bahasa Inggeris yang dilakukan oleh Newman & Rice (2008). Bentuk binaan ini mengikuti prinsip ikonik, yang merupakan asas Hierarki Hubungan Interklausa. Pada tahap inti kosubordinasi ini disambungkan dengan kata hubung gabungan semantik kata kerja. Keseluruhan kajian kata kerja bersiri yang dilakukan oleh kesemua pengkaji ini dilihat berpada kerana semua perbincangan diberikan contoh data dan perincian tiap satunya bagi memudahkan pembaca memahami isu yang dibincangkan.

Tema ketiga himpunan kosa ilmu ini dapat ditunjukkan melalui kajian predikat kompleks yang diteliti dalam pelbagai bahasa kolokial Indonesia. Kajian yang dilakukan oleh Hariati dan Mulyadi (2019) ini telah memilih bahasa Karo untuk menghuraikan fenomena predikat kompleks ini berdasarkan teori X-Bar. Kajian ini menggunakan metod kualitatif. Kesemua data kajian dianalisis dengan menggunakan teori X-bar yang menggunakan rajah pohon bagi menjelaskan apakah dalam frasa atau klausa dapat memberikan fungsi yang jelas daripada setiap katagori kata. Kajian predikat kompleks dalam bahasa Karo menggunakan teori X-bar belum pernah digunakan untuk menganalisis ayat. Misalnya, dalam ayat *menangis menangis kami semua* terdapat dua predikat yang posisinya berdampingan dan tidak dipisahkan oleh konjungsi dan dibentuk oleh lebih dari satu unsur gramatikal (baik kata mahupun morfem) yang masing-masing terkait sebagai satu inti. Hasil penelitian kajian pengkaji menunjukkan terdapat

empat jenis predikat kompleks dalam bahasa Karo, yaitu [VTRANSITIF + VTRANSITIF], [VINTRANSITIF + VINTRANSITIF], [VTRANSITIF + VINTRANSITIF], dan [VINTRANSITIF + VTRANSITIF]. Selain pembahagian jenis predikat kompleks, pengkaji turut menyatakan bahawa struktur dalam predikat kompleks bahasa Karo ini diwakili oleh spesifier, komplemen, dan adverba yang tiap komponen tersebut diisi oleh setiap unsur yang sesuai. Oleh itu, berdasarkan sudut sintaksis predikat kompleks memiliki beberapa ciri, iaitu terdiri dari urutan predikat, dibentuk oleh lebih dari satu unsur yang menghasilkan bentuk satu inti dan merujuk pada sebuah konstruksi yang melibatkan dua atau lebih elemen prediasional (kata kerja, kata benda, dan kata sifat) dan predikat sebagai elemen tunggal.

Kajian yang dilakukan oleh Latifah Yusri Nasution & Mulyadi (2020) ini turut meneliti binaan predikat kompleks yang terlibat dalam bahasa Angkola Mandailing dengan menggunakan teori X-Bar. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan metod interaktif. Kesemua data kajian dianalisis dengan menggunakan teori X-bar yang menggunakan rajah pohon bagi melihat bentuk predikat kompleks yang terhasil. Sumber data penelitian adalah berdasarkan pertuturan lisan informan. Bahasa Angkola Mandailing yang paling banyak membentuk predikat kompleks adalah verba *kehe* 'pergi'. Verba *kehe* 'pergi' berpotensi untuk bergabung dengan verba lain dan membentuk predikat kompleks. Contohnya, dalam ayat *Saya pergi membeli garam yang disuruh ibu saya*. Hasil penelitian pengkaji menunjukkan ciri predikat kompleks dalam bahasa Angkola Mandailing dibentuk daripada dua verba atau lebih, letaknya berdampingan, dan memiliki kesamaan aspek dan negasi. Empat pola predikat kompleks dalam bahasa Angkola Mandailing, iaitu V1 intransitif + V2 intransitif, V1 transitif + V2 intransitif, V1 intransitif + V2 transitif, dan V1 transitif + V2 transitif. Dapatan kajian pengkaji juga menemukan bahawa dua verba atau lebih dalam konstruksi predikat kompleks bahasa Angkola Mandailing sama-sama menjadi verba inti dalam ayat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam bahasa kolokial fenomena binaan kompleks ini wujud dan lebih banyak ditemui seperti dalam dialek yang pengkaji teliti dalam kajian pengkaji.

Seterusnya, pengkaji yang meneliti predikat kompleks ini dapat dilihat dalam kajian Tri Anggi Hutami dan Mulyadi (2021). Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis predikat kompleks dalam bahasa Banjar Dialek Hampan Perak dalam struktur ayat yang digunakan oleh penuturnya sehari-hari menggunakan Teori X-Bar. Metod yang digunakan pada penelitian ini adalah metod kualitatif. Metod yang digunakan dalam penelitian ini ialah metod agih. Seperti dalam kajian Latifah Nasution & Mulyadi (2019) dan Hariati Sembring & Mulyadi (2020), kajian Tri Anggi & Mulyadi (2021) ini juga menganalisis data kajian menggunakan rajah pohon. Contoh predikat kompleks bahasa Banjar Dialek Hampan Perak ini ialah *dia pulang bermain*. Berdasarkan data yang diperoleh dari informan atau penutur bahasa Banjar Dialek Hampan Perak Predikat kompleks dalam bahasa tersebut dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu Vtransitif + Vtransitif, Vintransitif + Vintransitif, Vtransitif + Vintransitif dan Vintransitif + Vtransitif. Dapatan kajian binaan predikat kompleks dalam bahasa Banjar dialek Hampan Perak dibentuk daripada verba terjadi ketika dua verba atau lebih melekat secara berdampingan dan bertindak sebagai predikat tunggal menghasilkan bentuk satu inti yang merujuk pada sebuah konstruksi yang melibatkan dua atau lebih elemen. Kesemua kajian dihuraikan dengan teliti berserta contoh rajah data. Hal ini bertujuan memudahkan pembaca memahami kandungan isu yang dibincangkan.

Kesimpulannya, binaan kompleks bukan hanya merujuk kepada ayat-ayat majmuk, tetapi turut merujuk juga kepada bilangan predikat yang diterjemahkan sebagai perkaitan nuklei, inti dan klausa (Maslida Yusof, 2021). Hal ini dapat dilihat secara jelas dalam kajian predikat kompleks. Walau bagaimanapun, masih ada skop penelitian yang belum diteliti oleh pengkaji lepas dalam

kajian mereka. Berdasarkan himpunan kajian ini, pengkaji cuba merumuskan bahawa kesemua kajian lepas ini mewakili bentuk kajian yang tercakup di bawah kajian binaan kompleks dan bukannya berasingan. Dengan adanya dapatan daripada kajian-kajian ini maka pengkaji dapat mendefinisikan semula bentuk kajian binaan kompleks dengan lebih berpeda berdasarkan ciri-ciri tertentu dan meneliti skop sintaksis yang masih belum dibuat berkaitan kajian binaan kompleks ini. Bertepatan dengan hasil kesemua kajian ini juga dapat ditegaskan bahawa bentuk ataupun fenomena binaan kompleks ini sememangnya mempunyai persamaan berdasarkan ciri-cirinya walaupun penelitian dibuat dalam aneka bahasa, misalnya kajian mengenai predikat kompleks dalam bahasa kolokial Indonesia yang membentuk kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu. Oleh itu, perkaitan yang jelas kosa ilmu ini dengan objektif pengkaji ialah dapat menghimpunkan kesemua kajian binaan kompleks ini dengan kemas dan lengkap dalam bentuk penulisan ilmiah iaitu jurnal.

METODOLOGI

Dalam pengumpulan kajian lepas berdasarkan metodologi sorotan literatur bersistematik ini terdapat beberapa panduan atau protokol yang boleh diguna pakai bagi mengumpul dan memastikan pemilihan kajian lepas adalah yang paling relevan untuk disintesis. Menurut Lockwood et al. (2015), pemfokusan sorotan literatur bersistematik adalah kepada bukti, kesan, kesahan dan akibat yang mendorong pengkaji untuk menyemak maklumat reka bentuk kajian, analitik metode dan rantaian akibat. Hal ini secara tidak langsung menjadikan sorotan literatur bersistematik dapat mengawal kualiti himpunan kajian dengan memastikan adanya pembuktian maklumat kajian lepas yang teguh seiring dengan objektif kajian pengkaji dalam menghasilkan satu himpunan sorotan literatur bersistematik berkaitan binaan kompleks yang relevan dan teratur. Protokol PRISMA dipilih sebagai panduan dalam sorotan literatur bersistematik ini sejajar dengan pendapat Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020), bahawa protokol ini diyakini boleh menjadi pedoman untuk sorotan literatur bersistematik dalam bidang yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu.

PRISMA atau nama *penuhnya Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* ialah protokol yang boleh dijadikan panduan untuk mengemukakan sorotan literatur bersistematik. PRISMA dipilih sebagai panduan kerana protokol ini mampu mengawal kualiti dan kuantiti pemilihan artikel dalam pangkalan data besar seperti Scopus, Direct Science, Web of Science dan Google Scholar. Kawalan kualiti dan kuantiti pemilihan artikel dipandu melalui kriteria yang ada dalam protokol PRISMA. Kriteria-kriteria ini terdiri daripada pengenalpastian, penerimaan dan penolakan artikel, kelayakan dan penilaian artikel berkualiti. Kesemua artikel perlu melalui penilaian berdasarkan empat kriteria ini agar objektif sorotan literatur bersistematik ini dapat dicapai dengan jitu. Kesemua kriteria dalam protokol PRISMA akan dihuraikan pada bahagian subtopik di bawah iaitu, bermula dengan kriteria pengenalpastian, penerimaan dan penolakan artikel dan kelayakan dan penilaian artikel berkualiti.

PENGENALPASTIAN

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dibentuk, terdapat empat kata kunci utama dalam bahasa Melayu seperti *sintaksis*, *predikat kompleks*, *binaan kompleks* dan *kata kerja bersiri* untuk memberi panduan kepada penerokaan variasi kata kunci lain. Manakala, *predicate complex*, *serial verb*, *nexus* dan *complex constructions* pula merupakan kata kunci yang digunakan bagi bahasa Inggeris. Dalam langkah pengenalpastian, Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020)

menyarankan agar kata kunci dari sinonim, istilah berkaitan dan variasi kata kunci perlu dipilih secara berhati-hati agar hasil carian menemukan kajian-kajian yang relevan. Oleh itu, pada kriteria pengenalpastian ini pengkaji telah memilih kata kunci utama dan menggunakan kata kunci yang hampir dengan tajuk kajian supaya memudahkan dalam mendapatkan artikel yang relevan dengan tajuk. Kata kunci utama dan variasi kata kunci lain yang relevan telah diaplikasi oleh pengkaji ke dalam format rentetan carian *search string* seperti dalam Jadual 1.

Gusenbaur dan Haddaway (2020) menyatakan bahawa Scopus adalah salah satu daripada 14 pangkalan data utama dalam pencarian artikel. Scopus dipilih sebagai pangkalan data yang menyenaraikan jurnal dan artikel berimpak tinggi dalam sorotan literatur bersistematik ini selain pangkalan *Web of Science* dan *Science Direct*. *Google Scholar* turut dipilih sebagai sumber pangkalan data untuk menambah hasil carian kajian lepas, khususnya kajian di Malaysia. Format rentetan carian yang berbeza diaplikasi ke dalam pangkalan data yang berbeza, tetapi masih menggunakan kata kunci yang hampir sama. Kata kunci pada rentetan carian di *Google Scholar* berbeza dengan kata kunci pada rentetan carian di pangkalan lain kerana ia memaparkan banyak kajian yang tidak relevan jika ditambah kata kunci seperti binaan kompleks bahasa Melayu, binaan ayat majmuk dan jenis neksus.

JADUAL 1. Hasil rentetan carian tanpa saringan

| Pangkalan data | Rentetan carian dan kata kunci | Jumlah artikel ditemui |
|----------------|---|------------------------|
| Scopus | TITLE-ABS-KEY (“syntax*” OR “linguistic*” OR “serial verb” OR “nexus” OR “juncture” OR “predicates complex” OR “role and reference grammar” OR “complex predicates” AND malay language”)) | 118 |
| Web of Science | (“syntax”, OR “complex construction” OR “juncture” AND “type of nexus in language”) | 6 |
| Direct Science | (“clause contructions OR “serial verbs” “complex predicates” AND “juncture”) | 35 |
| Google Scholar | (“sintaksis” OR “linguistik” OR “binaan kompleks” OR “bahasa melayu” OR “kata kerja bersiri” OR “jungtur” OR “neksus” OR “ayat majmuk” or “predikat kompleks” AND “role and reference grammar”) | 17,857 |

Melalui pangkalan data *Scopus* sebanyak ($n = 118$), *Web of Science (WOS)* sebanyak ($n = 6$) dan *Sciene Direct* sebanyak ($n = 35$) artikel ditemui berdasarkan rentetan carian yang mengaplikasikan kata kunci relevan. Pencarian di pangkalan data *Google Scholar* menggunakan kata kunci dalam bahasa Melayu agar carian cenderung ke arah penemuan artikel dalam bahasa Melayu, tetapi hasil carian turut memaparkan penemuan artikel daripada bahasa Inggeris juga. Pencarian di pangkalan data *Google Scholar* ini menjumlahkan hasil sebanyak ($n = 17,857$) artikel. Walaupun *Google Scholar* mempunyai kelemahan kekurangan kawalan kualiti artikel seperti

pandangan (Halevi et al., 2017), namun kepelbagaian hasil penemuan artikel membantu dalam mencapai objektif sorotan bersistematik ini.

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN ARTIKEL

Dapatan melalui langkah pengenalpastian menjumlahkan bilangan artikel yang banyak dan tiada kawalan kuantiti. Oleh itu, penetapan kriteria penerimaan dan penolakan artikel adalah penting untuk menyaring artikel yang kurang relevan atau tidak selari dengan objektif kajian yang mana artikel yang dikehendaki oleh pengkaji ialah melibatkan kajian binaan kompleks dalam bidang bahasa. Hal ini menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020), sarjana-sarjana telah mendedahkan kepentingan kriteria penerimaan dan penolakan seperti garis masa penerbitan, jenis penerbitan dan medium bahasa yang digunakan. Kriteria-kriteria seperti dalam Jadual 2 di bawah penting untuk kerelevanan pemilihan artikel, membantu mengawal kualiti, dan kuantiti artikel dalam sorotan ini. Kriteria seperti garis masa penerbitan membantu untuk mengumpulkan kajian yang terkini sahaja agar perkembangan kajian yang terkini dapat diteliti. Penerimaan garis masa penerbitan yang dibuat oleh pengkaji meliputi kajian yang diterbitkan dalam lingkungan sepuluh tahun kebelakangan. Jenis penerbitan pula pengkaji memilih jurnal, bab dalam buku dan prosiding yang berkaitan dengan bidang kajian mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Dari segi medium bahasa pula, pengkaji tidak mengehadkan pada bahasa Melayu sahaja dan kajian di Malaysia sahaja kerana kajian binaan kompleks ini turut diteliti oleh pengkaji luar negara. Dengan tapisan automatik melalui pangkalan data yang telah ditetapkan garis masa, jenis penerbitan dan negara, maka penemuan jumlah artikel di *Scopus* ($n = 56$) artikel, *Web of Science* ($n = 5$) artikel, *Science Direct* ($n = 20$), manakala ($n = 15,304$) dari pangkalan data *Google Scholar*.

Artikel yang dipilih untuk dapatan kajian ini telah ditapis mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Hal ini dibuat mengikut kesesuaian dan bilangan kajian yang ada melibatkan kajian binaan kompleks bahasa ini. Mana-mana kajian yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan pula akan ditolak. Kriteria penolakan dan penerimaan artikel ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 2 di bawah. Artikel-artikel tersebut dipilih kerana telah memenuhi kriteria garis masa penerbitan, jenis penerbitan, negara dan bidang.

JADUAL 2. Kriteria penolakan dan penerimaan artikel

| Kriteria | Penolakan | Penerimaan |
|------------------------------|---|---|
| Garis masa penerbitan | 2010 ke bawah | 2011 hingga 2021 |
| Jenis penerbitan | Tidak termasuk jurnal, bab dalam buku dan prosiding | Termasuk jurnal, bab dalam buku dan prosiding |
| Negara | Luar Malaysia | Dalam & Luar Malaysia |
| Bidang | Tidak berkait dengan bidang sintaksis | Bidang sintaksis atau berkait rapat dengan bidang sintaksis |

Dalam jadual 2 di atas, telah ditunjukkan kriteria-kriteria penolakan dan penerimaan artikel yang meliputi garis masa penerbitan, jenis penerbitan yang digunapakai, negara yang meneliti aspek binaan kompleks dalam bahasa dan bidang yang ditekuni oleh para pengkaji berkaitan kajian masing-masing. Kesemua kriteria ini telah dihuraikan oleh pengkaji pada sub topik penerimaan

dan penolakan artikel seperti di atas. Kemudiannya, pengkaji akan memaparkan jumlah artikel yang layak diterima setelah melalui penilaian kualiti artikel seperti dalam jadual 3 di bawah.

KELAYAKAN DAN PENILAIAN ARTIKEL BERKUALITI

Khusus untuk pangkalan data *Google Scholar* pilihan penemuan artikel yang relevan secara manual turut diaplikasikan kerana pangkalan data ini mempunyai kelemahan dalam mengawal kualiti dan kuantiti artikel seperti yang dinyatakan oleh Halevi et al. (2017). Penyelidik kajian ini menyaring artikel berpandukan persoalan kajian dan kata kunci yang telah ditetapkan. Kemudian, saringan secara manual dihentikan di halaman 96 daripada 100 halaman kesemuanya apabila kebanyakan artikel sudah tidak relevan dengan kata kunci atau kriteria penolakan dan penerimaan yang menjumlahkan hanya ($n = 17$) artikel yang dipilih. Tapisan bagi pangkalan data yang lain juga dibuat secara manual seperti pencarian di *Google Scholar*. Tapisan secara manual bagi pangkalan data *Scopus* pula menjumlahkan ($n = 4$) artikel, *Web of Science* sebanyak ($n = 1$) artikel dan *Science Direct* sebanyak ($n = 2$). Jumlah artikel sama yang bertindan dalam *Scopus*, *Web of Science*, *Science Direct* dan *Google Scholar* yang disingkirkan pula adalah ($n = 7$).

Terdapat sebanyak ($n = 24$) artikel penuh yang layak disaring perlu melalui penilaian kualiti artikel daripada dua orang penyemak. Hal ini berpadanan dengan saranan Petticrew dan Roberts (2006) dalam Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2021) yang menyarankan bahawa sekurang-kurangnya dua orang penyemak perlu menyemak artikel berdasarkan tema yang telah dipersetujui. Abstrak setiap artikel disemak dan penilaian dilakukan berdasarkan persoalan kajian yang telah dibentuk pada awal kajian. Kedua-dua penilai adalah dari kumpulan penyelidik ini sendiri supaya lebih memahami objektif sorotan literatur bersistematik ini. Di samping itu, salah seorang daripada penilai merupakan seorang yang pakar dalam bidang sintaksis. Hasilnya, terdapat ($n = 17$) artikel dalam pangkalan data *Scopus*, *Web of Science*, *Science Direct* dan *Google Scholar* yang sedia untuk disintesis secara kualitatif seperti dalam Jadual 3 yang dipaparkan di bawah setelah pengkaji menjumlahkan kesemua artikel dari semua pangkalan data yang diterima mengikut kriteria yang ditetapkan dan menolak jumlah artikel yang bertindan/sama antara pangkalan data tersebut.


JADUAL 3. Artikel yang layak disintesis berdasarkan tema

| Penulis | Bentuk binaan kompleks | Kerangka Teori atau pendekatan | Perspektif sintaksis |
|---|------------------------|--------------------------------|--|
| J. Jacob & C. E. Grimes (2011) | Kata kerja bersiri | Teori Tipologi Bahasa | Menerangkan aspek binaan kata kerja bersiri bahasa Melayu Kupang |
| Mohamed Jaffar (2013) | Kata kerja bersiri | Teori Tipologi Bahasa | Menerangkan fungsi kompleks kata kerja bersiri bahasa Melayu Sri Lanka |
| Rogayah A. Razak & Norizan Rajak (2013) | Kata kerja bersiri | Ujian Diagnostik | Mengupas ciri sintaksis dan jenis binaan kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu khususnya dialek Kedah dan dialek Melaka |
| Lewis Gebhardt | Predikat kompleks | Kerangka Minimalis | Membincangkan kekangan |

| | | | |
|---|---|---------------------------------|--|
| (2013) | dalam bahasa Inggeris | | pembentukan predikat kompleks dalam bahasa Inggeris dengan preposisi tak transitif |
| Ab. Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015) | Ayat majmuk pancangan | Transformasi Generatif Standard | Memfokuskan pada ayat majmuk pancangan yang digunakan dalam pantun Melayu |
| Ab Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2016) | Ayat majmuk gabungan | Transformasi Generatif Standard | Memfokuskan pada ayat majmuk gabungan yang digunakan dalam pantun Melayu |
| Sukarini & Mas Indrawati (2016) | Kata kerja bersiri | Teori Tipologi Bahasa | Menganalisis binaan kata kerja bersiri yang terlibat dalam cerita rakyat Bali |
| Ying Fan (2017) | Kata kerja bersiri | Role and Reference Grammar | Mengenal pasti binaan kata kerja bersiri yang berbeza dalam bahasa Mandarin |
| Norul Haida Hj. Reduzan et al. (2018) | Penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan | Teori Pelaziman Pavlov | Menganalisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu |
| Svorio (2018) | Kata kerja bersiri | Role and Reference Grammar | Meneliti ekspresi urutan binaan V1 ke V2 (V and V) dalam bahasa Greek moden dengan Penekanan khusus kepada rentetan V1 ke V2 di mana V1 ialah kata kerja gerak |
| Hariati Br Sembiring & Mulyadi (2019) | Predikat kompleks bahasa Karo | X-bar | Menganalisis jenis predikat kompleks bahasa Karo dalam ayat |
| Ying Fan (2019) | Kata kerja bersiri | Role and Reference Grammar | Menumpukan pada fenomena gabungan kata kerja yang sama menunjukkan makna gerakan tindakan boleh berlaku dalam dua subjenis sintaksis yang berbeza bagi |
| Latifah Yusri Nasution & Mulyadi (2020) | Predikat kompleks dalam bahasa Angkola Mandailing | X-bar | Mendeskripsikan konstruksi predikat kompleks bahasa Angkola Mandailing |
| Ying Fan (2020) | Kata kerja bersiri | Role and Reference Grammar | Membincangkan perbezaan antara binaan kata kerja |

| | | | |
|---------------------------------------|--|---|--|
| | | | bersiri nuklear dan inti dalam bahasa Mandarin standard |
| Tri Anggi Hutami & Mulyadi (2021) | Predikat kompleks bahasa Banjar | X-bar | Menganalisis predikat kompleks dalam bahasa Banjar Dialek Hampanan Perak |
| Maslida Yusof (2021) kompleks | Struktur binaan Grammar | Role and Reference berdasarkan Struktur | Meneliti binaan kompleks Berlapisan Klausa (SBK) |
| Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021) | Analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu | Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) | Menjelaskan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori Analisis Kesalahan Corder (1973) |

Berdasarkan kriteria dalam protokol PRISMA yang telah diikuti oleh pengkaji maka, sebanyak 17 artikel yang layak untuk disintesis berdasarkan tema berjaya diperolehi seperti dalam jadual di atas. Dalam 17 himpunan kosa ilmu tersebut terdapat lapan kajian berkaitan kata kerja bersiri, empat kajian mengenai predikat kompleks, empat kajian kata majmuk dan satu kajian mengenai struktur binaan kompleks. Seterusnya, pengkaji akan memaparkan proses pemilihan artikel berasaskan aliran PRISMA seperti dalam rajah 1 di bawah. Rajah 1 ini diadaptasi contoh carta alir dari Moher et al. (2009) dan disesuaikan mengikut maklumat sebenar berdasarkan makalah ini. Langkah-langkah dalam protokol PRISMA dalam carta alir ini telah diterangkan dengan lebih jelas dalam subtopik pada bahagian metodologi yang telah dinyatakan sebelum ini. Rajah 1 di bawah memaparkan proses dari awal hingga pemilihan akhir artikel berasaskan aliran PRISMA.



RAJAH 1. Carta alir PRISMA

Dalam rajah 1 di atas dipaparkan carta alir PRISMA yang bermula dengan proses mengenalpastian artikel dari pangkalan data *Google Scholar*, *Scopus*, *Web of Science* dan *Science Direct*. Pada proses mengenalpastian ini ditunjukkan jumlah rekod artikel yang ditemui. Kemudiannya, proses ini diteruskan dengan melakukan saringan secara automatik oleh pangkalan data terlibat berkaitan penerimaan dan penolakan artikel berdasarkan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan mengikut kriteria dalam protokol PRISMA. Seterusnya, carta alir ini menyenaraikan jumlah rekod yang disaring secara manual oleh pengkaji dan menyingkirkan artikel yang sama antara pangkalan data tersebut. Akhir sekali, proses pemilihan artikel ini akan dibuat penilaian kualiti oleh dua orang penyemak bagi mendapatkan jumlah artikel penuh yang layak dinilai dan dimasukkan dalam sorotan literatur bersistematik binaan kompleks ini.

HASIL KAJIAN

Hasil analisis kesemua 17 artikel telah menemui tiga tema besar untuk dihuraikan iaitu, bentuk binaan kompleks yang dikaji, jenis teori yang diaplikasi dalam kajian dan aspek bidang kajian yang diteliti. Bagi memenuhi keperluan objektif kajian, tema-tema ini akan dihuraikan berasaskan maklumat yang ditemui dalam kajian-kajian lepas yang sudah dikumpulkan secara sistematik. Tema bentuk binaan kompleks yang dikaji ini bukan sahaja menggambarkan apakah bentuk binaan yang sudah dikaji, tetapi juga memberi gambaran bentuk binaan kompleks apakah yang masih boleh dikaji secara mendalam. Kepelbagaian penggunaan teori kajian pula menunjukkan bahawa terdapat banyak teori kajian bahasa yang boleh diaplikasi untuk mendapatkan dapatan kajian yang berbeza dan tuntas. Dapatan dari aspek kajian mengikut bidang yang pelbagai pula memperlihatkan sudut kajian yang luas telah dititikberatkan oleh pengkaji lepas dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam kajian yang dijalankan tersebut. Kesemua tema ini memberi gambaran terhadap arus perkembangan kajian binaan kompleks bahasa Melayu khususnya dalam bidang sintaksis.

BENTUK BINAAN KOMPLEKS DALAM KAJIAN BAHASA

Pembentukan sesebuah ayat hanya wujud apabila terdapat konstituen ayat atau rangkai kata. Konstituen ayat membentuk ayat yang terdapat daripada frasa atau klausa. Frasa merupakan suatu unit kata yang berpotensi dikembangkan atau diperluas menjadi dua atau lebih perkataan yang memberi makna (Nabillah Bolhassan & Che Ibrahim Salleh, 2014). Binaan kompleks bahasa Melayu ini boleh digambarkan sebagai satu bentuk binaan ayat bagi struktur ayat yang kompleks dan ia berlainan dengan pembentukan bagi binaan ayat mudah. Binaan ayat kompleks ini seperti yang dijelaskan oleh (Van Valin dan Lapolla, 1997, dalam Ana Ortigosa Pastor, 2001) pembinaan ayat kompleks diterangkan mengikut unit yang terlibat dan hubungan antara unit tersebut. Kajian mengenai binaan kompleks dalam kajian bahasa khususnya bahasa Melayu dapat dilihat dalam aneka bentuk penelitiannya. Misalnya, kajian binaan kompleks ini biasanya boleh dilihat dalam kajian kata kerja bersiri dan kajian ayat majmuk berdasarkan kajian-kajian lepas tersebut. Sarjana dari seluruh negara termasuklah Malaysia dilihat telah merujuk bahawa bentuk binaan kompleks ini merangkumi binaan kata kerja bersiri dan struktur binaan ayat majmuk berdasarkan ciri yang hampir sama antaranya. Contohnya, kajian kata kerja bersiri yang dijalankan oleh J. Jacob & C. E. Grimes (2011), Mohamed Jaffar (2012), Rogayah Razak & Norizan Rajak (2013), Sukarini & Mas Indrawati (2016) dan S. Svorou (2018). Melihat kepada 16 himpunan pengkajian lepas yang dikumpulkan, kesemua bentuk binaan kompleks berkisar kepada kata kerja bersiri, predikat kompleks dan ayat majmuk.

Daripada 17 pengkajian lepas yang berkisar tentang binaan kompleks tersebut sebanyak lapan kajian menumpukan kepada kata kerja bersiri. Dapatan ini menunjukkan bahawa kata kerja bersiri adalah bentuk binaan kompleks yang mendapat perhatian ramai pengkaji terkini. Menerusi kajian J. Jacob & C. E Grimes (2011) yang memfokuskan kepada kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu Kupang yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan binaan kata kerja bersiri bahasa lain, Mohamed Jaffar (2012) pula menjelaskan pelbagai kata kerja bersiri dan fungsinya dalam bahasa Melayu Sri Lanka. Pengkaji telah memerihalkan kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu Sri Lanka dan membandingkan fungsi kata kerja bersiri Melayu Sri Lanka ini dengan bahasa Tamil dan Sinhala. Rogayah Razak & Norizan Rajak (2013) menganalisis enam kategori kata kerja bersiri yang terdapat dalam bahasa Melayu kolokial iaitu dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Melaka. Manakala, Sukarini & Mas Indrawati (2016) telah menganalisis binaan kata kerja bersiri yang terlibat dalam cerita rakyat Bali dan kesetaraan dengan bahasa Inggeris. Pengkaji mendapati bahawa secara tipologinya binaan kata kerja bersiri dalam bahasa Bali mempunyai ciri-ciri fonologi, morfosintaktik dan semantik. selain itu, pengkaji turut mendapati bahawa bentuk binaan kata kerja bersiri cerita rakyat Bali ini adalah bebas. Ying Fan juga meneliti kajian berkaitan kata kerja bersiri yang memfokuskan pada bahasa Mandarin dan telah menghasilkan tiga kajian. Kajian beliau pada (2017) berkisarkan kata kerja bersiri yang berbeza dalam bahasa Mandarin. Kajian (2019), tentang fenomena gabungan kata kerja gerak dan kajian beliau (2020) mengenai perbezaan kata bersiri tahap nuklear dan inti dalam bahasa Mandarin. Kajian oleh S. Svorou (2018) yang meneliti ekspresi urutan binaan VI ke V2 (V and V) dalam bahasa Greek moden dengan penekanan khusus kepada rentetan V1 ke V2 (kata kerja gerak). Pengkaji turut mengemukakan analisis bagi pembinaan yang serupa kata kerja bersiri iaitu secara sintaktiknya V1 merupakan kosubodinasi kepada V2 pada tahap inti dan secara semantiknya V1 berintergrasi dengan V2 dengan ditafsirkan sebagai bingkai untuk V2.

Seterusnya, satu lagi bentuk kajian yang tercakup di bawah binaan kompleks bahasa Melayu ialah kajian mengenai ayat majmuk. Terdapat empat daripada 17 kajian dalam sorotan literatur bersistematik ini memfokuskan kepada bentuk binaan kompleks ini. Ab. Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015) telah meneliti kata majmuk pancangan dalam pantun untuk dianalisis dari aspek sintaksis. Terdapat beberapa proses transformasi yang berlaku seperti transformasi pengguguran, penyusunan semula dan proses peluasan. Pengkaji mendapati proses transformasi yang paling kerap berlaku dalam ayat majmuk keterangan ialah proses pengguguran. Ab. Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2016) dalam kajian mereka yang masih menggunakan pantun sebagai bahan utama kajian mendapati bahawa ayat majmuk gabungan mempunyai banyak proses transformasi yang berlaku seperti pengguguran, peluasan dan penyusunan semula. Berdasarkan data kajian mereka tersebut proses yang paling dominan berlaku ialah proses pengguguran dan penyusunan semula. Norul Haida Hj. Reduzan et al. (2018) yang mengkaji penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Aspek yang diberi tumpuan dalam kajian mereka ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar dan mengenal pasti kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan ayat majmuk pancangan relatif adalah lebih tinggi berbanding ayat majmuk pancangan yang lain. Kajian Noraisiah Sakilah Kamat et al. (2021) telah menganalisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu berdasarkan teori Analisis Kesalahan Corder. Kajian ini bertujuan menjelaskan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). Data kajian diperoleh melalui kaedah

kepastakaan dan kaedah pemerhatian dengan menggunakan alat kajian iaitu sampel teks penulisan pelajar. Seterusnya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan kata hubung pancangan berlaku disebabkan oleh empat faktor iaitu, kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, penggunaan kata hubung yang tidak tepat, ketiadaan penggunaan tanda baca dan kesalahan pemilihan kosa kata. Hasil kajian ini menunjukkan pembinaan ayat majmuk pancangan keterangan mencatat kekerapan kesalahan tertinggi diikuti dengan pembinaan ayat majmuk pancangan relatif dan pembinaan ayat majmuk pancangan komplemen.

Terdapat pula empat kajian mengenai predikat kompleks daripada 17 sorotan literatur bersistematik ini. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Hariati Br. Sembiring & Mulyadi (2019) ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana penggunaan dan struktur predikat kompleks dalam bahasa Karo yang sering digunakan dalam percakapan sehari-hari. Menurut pengkaji setiap bahasa memiliki predikat dalam struktur ayatnya. Predikat menduduki unsur inti dari sebuah klausa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa keberadaan predikat sangat penting untuk diteliti dan dianalisis para ahli bahasa. Selain untuk mengetahui penggunaan dan struktur predikat kompleks dalam bahasa Karo kajian ini juga bertujuan untuk menggambarkan struktur predikat kompleks yang terdapat dalam kalimat dengan menggunakan teori X-bar. Latifah Yusri Nasution & Mulyadi (2020) pula membincangkan predikat kompleks dalam bahasa Angkola Mandailing. Menurut pengkaji bahasa Mandailing ini merupakan bahasa daerah yang mula ditinggalkan. Penelitian ini bertujuan mendeskripsikan konstruksi predikat kompleks bahasa Angkola Mandailing. Penelitian dibuat dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan metod interaktif dan penerapan teori X-bar oleh pengkaji dalam kajiannya ini. Predikat kompleks bahasa Banjar Dialek Hamparan Perak telah diteliti oleh Tri Anggi Hutami & Mulyadi (2021). Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis predikat kompleks dalam Bahasa Banjar Dialek Hamparan Perak dalam struktur ayat yang digunakan penuturnya sehari-hari dengan menggunakan kerangka Teori X-Bar. Berdasarkan data yang diperoleh dari informan atau penutur bahasa Banjar Dialek Hamparan Perak, pengkaji menemui predikat kompleks dalam bahasa tersebut dapat dibezakan menjadi empat jenis, iaitu Vtransitif + Vtransitif, Vintransitif + Vintransitif, Vtransitif + Vintransitif, dan Vintransitif + Vtransitif. Analisis teori X-bar konstruksi predikat kompleks bahasa Banjar dialek Hamparan Perak dibentuk dari verba yang terjadi ketika dua verba atau lebih melekat secara berdampingan dan keduanya bertindak sebagai predikat tunggal. Lewis (2013) turut meneliti predikat kompleks dalam bahasa Inggeris. Menurut beliau, terdapat kekangan pembentukan predikat kompleks dalam bahasa Inggeris dengan preposisi tak transitif.

Bentuk binaan kompleks bahasa seterusnya ialah penelitian mengenai struktur binaan kompleks itu. Pengkaji yang meneliti struktur binaan kompleks ini ialah Maslida Yusof (2021). Dalam kajian ini pengkaji telah meneliti binaan kompleks bahasa Melayu berdasarkan Teori *Role and Reference Grammar* (RRG). Dalam RRG, struktur klausa diteliti berdasarkan struktur berlapisan klausa (SBK) iaitu binaan klausa terdiri daripada lapisan paling kecil/dalam nukleus (NUK) yang terdiri daripada predikat, diikuti lapisan inti yang mengandungi predikat dan argumen dan lapisan paling luar iaitu klausa yang mengandungi inti dan sipian. Berdasarkan struktur ini, maka ayat boleh mengandungi lebih daripada satu klausa, lebih daripada satu inti dan juga lebih daripada satu nukleus untuk membentuk binaan kompleks dalam bahasa. Binaan kompleks boleh berlaku pada tahap klausa, tahap inti dan tahap nukleus. Seperti yang dijelaskan oleh pengkaji dalam kajiannya, tahap di mana perkaitan berlaku sama ada pada tahap klausa, inti dan nukleus ini dirujuk sebagai tahap bagi jungtur (juncture). Menurut pengkaji lagi berdasarkan perkaitan ini maka akan diperolehi jungtur klausa apabila klausa bergabung begitu juga dengan jungtur inti dan jungtur nukleus. Oleh itu, bentuk binaan kompleks bahasa Melayu ini wajar dikaji dari pelbagai

perspektif bidang bahasa, mahupun dalam aneka dialek supaya dapat diteliti perkembangan ragamnya yang berubah mengikut peredaran zaman.

KEPELBAGAIAN KERANGKA TEORI

Terdapat pelbagai teori telah diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian mereka bagi membincangkan aspek binaan kompleks ini. Penyelidikan adalah proses sistematik mengumpul dan menganalisis maklumat untuk meningkatkan pemahaman kita terhadap fenomena yang sedang dikaji. Menurut Othman Lebar (2021), istilah teori telah digunakan dalam pelbagai cara bergantung kepada sama ada teori digunakan untuk menjelaskan fenomena yang dikaji ataupun teori adalah sesuatu yang muncul daripada penyelidikan.

Dapatan kajian mendapati empat kerangka teori yang banyak digunakan oleh pengkaji, iaitu teori RRG, teori X-Bar, teori Transformasi Generatif (TG) dan teori Tipologi Bahasa berbanding teori lain dalam sorotan literatur ini. Antara kajian yang menggunakan teori Tipologi Bahasa dalam kajian mereka ialah kajian oleh J. Jacob & C.E Grimes (2011) yang membincangkan kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu Kupang. Teori ini turut digunakan oleh Mohamed Jaffar (2013) yang menerangkan fungsi kompleks kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu Sri Lanka. Sukarini & Mas Indrawati (2016) juga menerapkan teori ini dalam kajian mereka untuk menganalisis binaan kata kerja bersiri berdasarkan cerita rakyat Bali. Teori X-Bar pula dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Tri Anggi. Hutami & Mulyadi (2021), Hariati Br. Sembiring & Mulyadi (2019) dan Latifah Yusri Nasution & Mulyadi (2020) yang ketiga-tiga kajian ini membincangkan predikat kompleks.

Terdapat dua kajian yang menggunakan teori Transformasi Generatif, iaitu kajian yang dilakukan oleh Ab. Razak. Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015 & 2016). Kajian yang dijalankan oleh mereka berfokuskan pada ayat majmuk gabungan dan pancangan bahasa Melayu yang digunakan dalam pantun Melayu. Kajian ini berlandaskan teori TG yang diaplikasikan dalam Tatabahasa Dewan (2010). Dapatan analisis memperlihatkan pantun merupakan satu medium yang terbaik dalam menganalisis ayat-ayat bahasa Melayu kerana banyak perkataan digugurkan. Teori RRG juga menjadi pilihan pengkaji dalam menganalisis dapatan kajian mereka. Antara pengkaji yang menerapkan teori ini, misalnya Maslida Yusof (2021) yang meneliti struktur binaan kompleks berdasarkan struktur berlapis klausa (SBK), S. Svorou (2018) pula meneliti ekspresi urutan binaan VI ke V2 (V and V) dalam bahasa Greek moden dengan penekanan khusus kepada rentetan V1 ke V2, di mana V1 adalah kata kerja gerak, piyeno/pao 'I go'. Dalam keadaan tertentu, rentetan Vpiyeno/pao ke V2 ditafsirkan sebagai peristiwa tunggal dengan keutamaan melibatkan peristiwa V2 dan Ying Fan (2017 & 2019 & 2020) dalam tiga kajian beliau yang berkisarkan kata kerja bersiri dalam bahasa Mandarin.

Seterusnya, didapati hanya kajian oleh Norul Haida Hj. Reduzan et al. (2019) yang menggunakan kerangka teori Pelaziman Pavlov seiring dengan penelitian yang dibuat iaitu berkaitan penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Begitu juga dengan teori Minimalis dan Ujian Diagnostik hanya diwakili oleh satu kajian sahaja. Teori Minimalis digunakan oleh Lewis Gebhardt (2013) yang meneliti pembentukan kompleks dalam bahasa Inggeris dan Ujian Diagnostik diaplikasikan oleh Rogayah Razak & Norizan Rajak (2013) yang mengupas ciri sintaksis dan jenis binaan kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu khususnya yang terdapat dalam dialek Kedah dan dialek Melaka. Hanya dalam kajian Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021) yang menggunakan teori Analisis Kesalahan Corder (1973) bagi menganalisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu. Kajian ini bertujuan menjelaskan kata hubung

pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). Pemilihan teori yang tepat dan bersesuaian adalah penting demi memastikan dapatan kajian relevan dan bergantung kepada keperluan pengkaji.

PERSPEKTIF SINTAKSIS DALAM KAJIAN BINAAN KOMPLEKS

Sintaksis ialah kajian terhadap bentuk dan struktur ayat sesebuah bahasa secara objektif. Pengkaji sintaksis berusaha mendeskripsikan struktur ayat sesebuah bahasa, menghuraikan proses pembentukan ayat yang melibatkan unit-unit bahasa seperti kategori frasa, misalnya frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi seterusnya menghuraikan elemen sintaksis yang menjalankan fungsi tertentu dalam binaan ayat misalnya subjek, predikat, objek, komplemen, adjung dan adverba (Kartini Abd. Wahab, 2021). Berdasarkan kesemua 17 kajian ini dilihat memberi sumbangan kepada perspektif sintaksis dalam kajian binaan kompleks bahasa Melayu khususnya di Malaysia. Memandangkan hanya dua kajian sahaja yang memfokuskan kepada data bahasa Melayu, maka kajian literatur yang selebihnya sebagai menyokong dan menggambarkan bentuk binaan kompleks yang terdiri dalam pelbagai bahasa di dunia termasuk rumpun bahasa Austronesia.

Predikat kompleks ialah salah satu penelitian dalam kajian binaan kompleks. Menurut (Baker, B & Harvey, M, 2010, dalam Maslida Yusof, 2021), istilah ini digunakan secara meluas termasuklah binaan kata kerja bersiri, binaan kata kerja ringan (light verbs) dan partikel + binaan kata kerja dan lain-lain. Mereka selanjutnya menyatakan predikat kompleks ialah struktur monoklausa yang melibatkan dua atau lebih morfem predikat. Tri Anggi Hutami & Mulyadi (2021) menganalisis predikat kompleks dalam bahasa Banjar dialek Hamparan Perak dalam struktur kalimat yang digunakan penuturnya sehari-hari dengan menggunakan Teori X-Bar. Berdasarkan data yang diperoleh dari informan atau penutur bahasa Banjar Dialek Hamparan Perak, predikat kompleks dalam bahasa tersebut dapat dibezakan kepada empat jenis. Hariati Br. Sembiring & Mulyadi (2019) juga menganalisis jenis predikat kompleks, tetapi dalam bahasa Karo. Kajian oleh Latifah Yusri Nasution & Mulyadi (2020) bertujuan mendeskripsikan konstruksi predikat kompleks bahasa Angkola Mandailing. Lewis. G (2013) pula meneliti pembinaan predikat kompleks dalam bahasa Inggeris yang mana pengkaji menyatakan terdapat kekangan dengan kata preposisi transitif. Kajian Maslida Yusof (2021) yang memfokuskan pada struktur binaan kompleks bahasa Melayu ini dilihat mampu menjadi panduan dan rujukan asas pada pengkaji masa hadapan untuk mengkaji bidang sintaksis yang memerlukan maklumat mengenai struktur binaan kompleks bahasa Melayu khususnya. Hal ini demikian kerana, pengkaji tidak meletakkan secara khusus bentuk binaan kompleks yang dikaji berbanding pengkaji yang lain. Tetapi, kajian yang telah dihasilkan itu mencakupi segala aspek binaan kompleks serba sedikit.

Dalam bentuk sintaktik, kata kerja bersiri berkongsi sekurang-kurangnya satu argumen dan kontituen atau membentuk satu klausa sintaksis dan satu intonasi (Pavey 2010). Binaan kata kerja bersiri atau dikenali juga sebagai *serial verb construction (SVC)*. Menurut Aikhenvald dan Dixon (2006) kata kerja bersiri ialah urutan kata kerja yang berperanan sebagai predikat tunggal tanpa penanda koordinasi, subodinasi secara ketara atau apa-apa kebergantungan sintaktik. Terdapat lapan kajian kata kerja bersiri yang mewakili bentuk kajian dalam binaan kompleks bahasa. J. Jacob & C. E Grimes (2011) yang memfokuskan kepada kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu Kupang yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan binaan kata kerja bersiri bahasa lain, Mohamed Jaffar (2012) pula menjelaskan pelbagai kata kerja bersiri dan fungsinya dalam bahasa Melayu Sri Lanka. Pengkaji telah menggunakan teori Tipologi Bahasa. Rogayah Razak & Norizan Rajak (2013) ada menganalisis lima kategori kata kerja bersiri yang terdapat dalam bahasa Melayu

kolokial iaitu dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Melaka. Sukarini & Mas Indrawati (2016) menganalisis binaan kata kerja bersiri yang terlibat dalam cerita rakyat Bali. Pengkaji juga mendapati bahawa secara tipologinya binaan kata kerja bersiri dalam bahasa Bali mempunyai ciri-ciri fonologi, morfosintaktik dan semantik. Ying Fan turut meneliti kajian berkaitan kata kerja bersiri yang memfokuskan pada bahasa Mandarin dan telah menghasilkan tiga kajian. Kajian beliau pada (2017) berkisarkan kata kerja bersiri yang berbeza dalam bahasa Mandarin. Kajian (2019), tentang fenomena gabungan kata kerja gerak dan kajian beliau (2020) mengenai perbezaan kata bersiri tahap nuklear dan inti dalam bahasa Mandarin. Kajian oleh S. Svorou (2018) meneliti ekspresi urutan binaan VI ke V2 (V and V) dalam bahasa Greek moden dengan penekanan khusus kepada rentetan V1 ke V2 yang mana V1 merupakan kata kerja gerak. Pengkaji turut mengemukakan analisis bagi pembinaan yang serupa dengan kata kerja bersiri iaitu secara sintaktiknya V1 merupakan kosubodinasi kepada V2 pada tahap inti dan secara semantiknya V1 berintergrasi dengan V2 dengan ditafsirkan sebagai bingkai untuk V2.

Seterusnya, kajian binaan ayat majmuk oleh Ab. Razak, Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015, 2016) dan Norul Haida Hj. Reduzan et al. (2019). Za'ba (2000) tidak menggunakan istilah ayat majmuk, tetapi beliau menggunakan istilah ayat berlapis, ayat berkait dan ayat bercampur. Walaupun kesemua kajian ini melibatkan ayat majmuk, tetapi bahan yang digunakan dalam kajian mereka adalah berbeza. Kajian Ab. Razak, Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015 & 2016) telah menggunakan pantun Melayu sebagai platform mendapatkan data manakala, Norul Haida Hj. Reduzan et al. (2018) menggunakan karangan pelajar bagi menganalisis data tersebut. Kajian Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021) menggunakan teori Analisis Kesalahan Corder (1973) bagi menganalisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). Pengkajian seperti ini boleh dijadikan rujukan agar pengkaji seterusnya tidak terbatas dalam memilih sumber data kajian.

PERBINCANGAN

Melalui penggarisan bentuk binaan kompleks, kepelbagaian kerangka teori dan ruang penelitian perspektif sintaksis dalam bahasa di seluruh dunia dilihat sudah mengalaminya perkembangannya berdasarkan dari sudut perbincangan yang diutarakan. Namun begitu, kajian binaan kompleks dalam bahasa Melayu khususnya masih lagi sedikit dari sudut penerokaan yang dibuat dan masih lagi perlu pada penambahan pengkajian oleh pengkaji seterusnya. Hal ini dapat ditunjukkan berdasarkan jumlah kajian binaan kompleks yang terdapat dalam 17 kosa ilmu berikut. Contohnya, hanya kajian yang dilakukan oleh Rogayah Razak dan Norizan Rajak (2013) sahaja yang meneliti binaan kompleks pada tahap predikat kompleks seperti dalam kajian-kajian oleh pengkaji Indonesia tersebut. Secara tidak langsung ia dapat memberi nilai tambah pada pengkajian sedia ada dan akan turut menambah bilangan kajian dan dapatan bagi kajian tersebut. Seiring dengan sifat bahasa yang dinamik maka, bentuk binaan kompleks bahasa juga akan sentiasa mengalami perubahan dan berkembang mengikut perkembangan penggunaan bahasa dunia semasa.

Kajian binaan kompleks ini tidak terbatas kepada pengkajian dalam negara sahaja. Hal ini demikian kerana, penelitian bahasa juga memerlukan kajian dalam pelbagai bahasa dan ruang lingkup yang lebih luas sebagai penambahan data di samping dapat menentukan perkembangan variasi sesebuah bahasa yang tertentu. Jelasnya, kajian kata kerja bersiri dilihat terdapat dalam semua bahasa di dunia ini. Penelitian mengenai binaan kompleks dalam negara Malaysia sahaja dapat dilakukan dalam aneka dialek Melayu yang mana pelbagai aspek boleh diteroka. Contohnya, kajian kata kerja bersiri yang dilakukan oleh Rogayah Razak dan Norizan Rajak (2013) telah

menggunakan data dialek Melayu Kedah dan dialek Melaka dalam kajian mereka. Pembabitan pemilihan bahasa yang luas dan pelbagai boleh menjadi asbab dalam perkembangan variasi binaan kompleks sekaligus menghasilkan bentuk binaan kompleks baharu yang mungkin sebelum ini kita tidak temui. Bentuk binaan kompleks sedia ada juga memerlukan pengkajian dalam sintaksis yang lebih berpada sebagai penambahan dapatan seiring kemajuan teknologi kini. Crystal (2001), teknologi baharu yang terlibat akan memberi perubahan pada internet dan situasi komunikasi. Hal ini akan menentukan perkembangan variasi bentuk binaan kompleks. Berdasarkan cara kita berkomunikasi tidak semua ayat mudah dituturkan malah ayat kompleks juga kerap kita gunakan dalam seharian. Adanya analisis dapatan sorotan literatur ini mengukuhkan lagi fenomena binaan kompleks bukanlah suatu yang luar biasa dalam bahasa Melayu khususnya. Ia jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu boleh ditelusuri dan dibangunkan mengikut pelbagai corak bahasa di dunia lebih-lebih lagi bahasa Austronesia.

Dari segi kerangka teori pula, pelbagai kerangka teori telah diaplikasikan dalam kajian binaan kompleks ini berdasarkan kajian-kajian lepas dalam 17 sorotan literatur ini antaranya, teori Transformasi Generatif, *Role and Reference Grammar*, X-Bar, Tipologi Bahasa dan sebagainya lagi. Contohnya, teori Transformasi Generatif (TG) telah diterapkan dalam kajian Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015 & 2016) yang membincangkan ayat majmuk pancangan dan majmuk gabungan dalam pantun Melayu. Grbich (2003) menjelaskan teori dibentuk melalui penerokaan ke atas sesuatu fenomena, dengan mengenal pasti dan meneliti perhubungan antara konsep di sekitar fenomena dan seterusnya pembentukan sesuatu kerangka dalam mana-mana sesuatu komen boleh dibuat. Tinjauan pemilihan kerangka teori untuk analisis dapatan kajian dalam kajian lepas dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memilih teori yang relevan. Pemilihan kerangka teori *Role and Reference Grammar* (RRG) dilihat teori yang paling banyak digunakan dalam kajian pengkaji lepas ini. Terdapat lima kajian yang mengapikasi teori RRG misalnya, kajian oleh Maslida Yusuf (2021) Ying Fan (2017 & 2019 & 2020), dan S. Svorio (2018). Teori Tipologi Bahasa dalam kajian J. Jacob & C. E Grimes (2011), Mohamed Jaffar (2013) dan Sukarini & Mas Indrawati (2016). Teori X-Bar dalam tiga kajian mengenai predikat kompleks yang dikaji oleh pengkaji Indonesia serta dan teori Transformasi Generatif yang digunakan dalam menganalisis ayat majmuk pancangan dan majmuk gabungan. Manakala, kajian yang berbaki lagi menggunakan teori berbeza yang kesemuanya berjumlah satu kajian sahaja, iaitu teori Minimalis dalam kajian Lewis. G (2013), Ujian Diagnostik dalam kajian Rogayah Razak & Norizan Rajak (2013), teori Pelaziman Pavlov dalam kajian oleh Norul Haida et al. (2018) dan teori Analisis Kesalahan Corder seperti dalam kajian oleh Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021). Aneka teori yang digunakan dalam kajian oleh pengkaji ini adalah berdasarkan kesesuaian teori dengan aspek yang dikaji dalam kajian dan bagi mencapai objektif kajian.

Dominasi pengkajian dalam perspektif sintaksis ini dilihat bukan satu fenomena yang asing dan baru. Hal ini demikian kerana, antara topik utama dalam bidang sintaksis ini melibatkan tentang binaan kata kerja, struktur ayat dan sebagainya lagi. Ini berpadanan dengan binaan kompleks itu sendiri merupakan salah satu topik yang tercakup dalam bidang sintaksis. Namun begitu, berdasarkan 17 sorotan literatur dalam makalah ini jelas menunjukkan bahawa kajian binaan kompleks dalam bahasa Melayu masih lagi sedikit dan memerlukan penelitian dan pengkajian yang lebih lagi untuk diteroka. Hal ini berikutan hanya lima kajian yang mewakili kajian binaan kompleks bahasa Melayu secara khusus, iaitu kata kerja bersiri dan pembentukan ayat majmuk seperti dalam kajian Rogayah Razak & Norizan Rajak (2013), Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin (2015 & 2016), Norul Haida et al. (2018) dan kajian oleh Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021). Ia menunjukkan jurang penyelidikan yang sangat jauh dengan bahasa

lain. Untuk meneliti aspek ini dalam bahasa Melayu kita semestinya perlu memahami konsepnya secara jelas terlebih dahulu supaya sesuai dengan pepadanan yang dibuat dengan bahasa lain agar menghasilkan kajian yang tuntas dan berpadu.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, sorotan literatur bertujuan untuk menghuraikan pengetahuan, konsep, teori yang berhubungkait dengan penyelidikan yang belum diteroka, kurang difahami atau diabaikan (Khadijah Alavi, 2019 dalam Fauziah Ibrahim et al, 2019). Secara jelasnya, sorotan literatur bersistematik ini adalah untuk meninjau kajian-kajian lepas yang terpilih berkisarkan tentang binaan kompleks dalam kajian bahasa khususnya dari sudut sintaksis. Sebanyak 16 kajian lepas telah melepasi saringan protokol PRISMA dan dipilih mengikut metodologi yang bersistematik. Himpunan kajian berasaskan kaedah sorotan literatur bersistematik ini memberi tinjauan dari sudut yang signifikan seperti bentuk binaan kompleks yang telah dikaji, kepelbagaian kerangka teori dan metod yang diaplikasi dan perspektif sintaksis dalam konteks binaan kompleks bahasa. Bentuk binaan kompleks yang telah dikaji dalam aneka bahasa dunia yang ditemui dalam sorotan literatur bersistematik ini antaranya, kata kerja bersiri, predikat kompleks dan struktur binaan ayat majmuk.

Selain itu, bagi aspek pemilihan kerangka teori pula didominasi oleh kerangka teori Role and Reference Grammar (RRG), Tipologi Bahasa dan X-Bar berbanding teori lain yang berkait rapat dengan bidang sintaksis seperti Transformasi Generatif dan Minimalis. Di samping itu, sorotan literatur bersistematik binaan kompleks dalam bahasa dari sudut sintaksis bukan sahaja dapat memberi panduan dan rujukan kepada bidang bahasa, tetapi juga boleh menjadi titik tolak bagi kajian ini dari sudut ruang lingkup bidang berkaitan. Jelasnya, kajian ini bukan sahaja sekadar dapat dijadikan rujukan, malahan turut dapat membuka ruang dan mata kepada pengkaji pada masa hadapan sebagai sokongan untuk menjalankan kajian sorotan literatur bersistematik ini dengan lebih baik dengan skop yang lebih luas, misalnya penggunaan pangkalan data carian jurnal yang lebih pelbagai dan persoalan yang lebih signifikan.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2015). Analisis Ayat Majmuk Pancangan Bahasa Melayu dalam Pantun Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 26, 1-28.
- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(2), 23-36.
- Aikhenvald, A. (2005). Serial Verb Construction in Typological Perspective. In Alexandra Aikhenvald and R.M.W. Dixon (Eds). *Serial Verb Constructions: A Cross-linguistic typology*. Oxford: Oxford University Press.
- Ana Ortigosa Pastor. 2001. Complex Structures in Role and Reference Grammar: Some problematic cases. *Journal of English Studies*. 3, 165-178.
- Baker, B & Harvey, M. (2010). Complex Predicate Formation. In Amberber, M, Baker. B & Harvey, M. (eds). *Complex predicates*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Booth, A. Sutton, A. & Papaioannou, D. (2012). *Systematic Approaches to a Successful Literature Review*: Sage Publications.
- Crystal, D. (2001). *Language and the Internet*: Cambridge University Press.

- Fauziah Ibrahim et al (pnyt). 2019. *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gusenbauer, M. & Haddaway, N. R. (2020). Which Academic Search Systems Are Suitable for Systematic Reviews or Meta-Analyses? Evaluating Retrieval Qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 Other Resources. *Res. Synth. Methods*. 11(2), 181–217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- Halevi, G., Moed, H. & Bar-Illan, J. (2017). Suitability of Google Scholar as a Source of Scientific Information and as a Source of Data for Scientific Evaluation. *Revi Lit*. 11(3), 823–834. <https://doi.org/10.1016/j.joi.2017.06.005>
- Hariati. Br. S. & Mulyadi. (2019). Predikat Kompleks Bahasa Karo: Kajian X-Bar. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*. XV (2), 206-214.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of Systematic Literature Review: The Basic Methodological Guidance for Beginners, *Quality & Quantity: International Journal of Methodology*. 55(4), 1319-1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Higgins, J.P.T., Altman, D.G., Gøtzsche, P.C., Jüni, P., Moher, D., Oxman, A.D., Savovic, J., Schulz, K. F., Weeks, L. & Sterne, J. A. C. (2011). The Cochrane Collaboration’s Tool for Assessing Risk of Bias in Randomised Trials. *BMJ (Online)*. 343(7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>
- June Jacob & Charles E. Grimes. (2011). *Aspect and Directionality in Kupang Malay Serial Verb Constructions*. in Creoles, Their Substrate, and Language Typology Edited by Claire Lefebvre. *Typology Studies in Language* 95. 337-366.
- Latifah. Y. N. & Mulyadi. (2020). Predikat Kompleks dalam Bahasa Angkola Mandailing. *LITERA*. 19 (1), 21-36.
- Lewis. G. (2013). A Constraint on Preposition Sequences in English Complex Predicates. *Lingua*. 135, 171-185. <http://dx.doi.org/10.1016/j.lingua.2012.08.004>
- Lockwood, C., Munn, Z. & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis: Methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *Int. J. Evid. Based Healthc*. 13(3), 179–187. <https://doi.org/10.1097/xeb.0000000000000062>
- Maslida Yusof et al (pnyt). (2021). *Kaedah & Teknik Penyelidikan Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslida Yusof. (2021). Analisis Binaan Kompleks Bahasa Melayu Berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Melayu. Isu Khas Disember*, 527-542.
- Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohammed Mohammed Sultan. (2020). Ayat Selapis dalam Dialek Perlis Menggunakan Kerangka Minimalis. *Jurnal Linguistik*. 24 (1),1-18.
- Mohamed Jaffar. (2013). *The Semantics of Serial Verb Constructions in Sri Lanka Malay*. In Nordhoff, Sebastian [Hrsg.] (2013). *The Genesis of Sri Lanka Malay: A Case of Extreme Language Contact* (hlm. 233-249). Brill’s Studies in South and Southwest Asian Languages.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. & The PRISMA Group. (2009). Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *Open Medicine*. 3(2), 123-130. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jclinepi.2009.06.005>
- Nabillah Bolhassan & Che Ibrahim Salleh. (2014). Frasa Nama dalam Akhbar Utusan Sarawak. *Journal of Business and Social Development*. 2(1), 68-77.

- Norul Haida Hj. Reduzan, Normarini Norzan & Abdullah Yusof. (2018). Analisis Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan dalam Karangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3 (3), 41-50.
- Othman Lebar. (2021). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021). Analisis Kata Hubung Pancangan dalam Penulisan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama oleh Pelajar Melayu Tingkatan Satu Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. 11 (2), 1-14.
- Pavey, E.L. (2010). *The Structure of Language: An Introduction to Grammatical Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Petticrew, M. & Roberts, H. (2006). *Systematic Reviews in the Social Sciences: A Practical Guide*: Blackwell Publishing Ltd.
- Rogayah A. Razak & Norizan Rajak. (2013). Kata Kerja Bersiri Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 13 (2), 179-191.
- Sarah Nur Najwa Mohd Nasir & Maslida Yusof. (2022). Sorotan Literatur Bersistemik Kajian Bahasa Komunikasi di Internet dari Sudut Pragmatik. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 22 (2), 185-204. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2202-10>
- Soteria Svorou. (2018). Motion Verb Integration and Core Cosubordination in Modern Greek. In Kailuweit, R. Künkel, L, & Staudinger, E. (eds.). *Applying and Expanding Role and Reference Grammar*: Freiburg Institute for Advanced Studies, Albert-Ludwigs: Universität Freiburg.
- Sukarini & Mas Indrawati. (2016). The Balinese Serial Verb Construction and Their Equivalences in English. *Globa Journal of Interdisciplinary Social Sciences*. 5(3), 43-48.
- Svenonius, Peter. (2015). *Syntax—Theory and Analysis: An International Handbook*. Walter De Gruyter, Berlin, HSK Series. 42 (1), 15–23.
- T.A. Hutami & Mulyadi. (2021). Predikat Kompleks Bahasa Banjar Dialek Hampanan Perak (Teori X-Bar). *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*. XVII (2), 102-109.
- Van Valin, R.D. & Lapolla, R. (1997). *Syntax: Structure, Meaning and Function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Y. Fan. (2017). Excessive Serial Verb Construction A Quasi-Resultative Serial Verb Construction in Mandarin Chinese. *Language and Linguistic*. 18(2), 201–227. <https://doi.org/10.1075/lali.18.2.02fan>
- Y. Fan. (2019). Argument Structure Representation: Formation of Serial Verb Constructions in Standard Mandarin Chinese. *Lingua*. xxx, 1-14. <https://doi.org/10.1016/j.lingua.2020.102962>
- Y. Fan. (2020). Action-Motion Expressed by Serial Verb Constructions in Standard Mandarin Chinese and Jinjiang Southern Min. *Journal of Chinese Linguistics*. 48 (1), 97-146. <https://doi.org/10.1353/jcl.2020.0002>
- Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita Bahasa Penggal 1-111*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENULIS

Rusydiah Abd Salam merupakan pelajar Doktor Falsafah program Kajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof (Ph.D) adalah Prof. Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Bahasa Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah bidang semantik, pragmatik dan sintaksis.